

04 JUN 2000

Mahathir-Sipadan

MALAYSIA SEDIA TIMBANG APA SAHAJA BAGI BEBASKAN MANGSA CULIK

PULAU PINANG, 4 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, Malaysia sedia menimbangkan apa sahaja bagi menyelamatkan 21 orang yang diculik oleh kumpulan bersenjata di selatan Filipina.

Perdana Menteri berkata demikian apabila ditanya mengenai tuntutan kumpulan bersenjata itu yang dilaporkan meminta RM1 juta untuk membebaskan setiap satu daripada tebusan itu yang kini ditahan di selatan Filipina.

"Apabila berhadapan dengan kemungkinan pengganas melakukan sesuatu terhadap mangsa mereka, kita terpaksa mempertimbangkan apa cara (sekalipun) untuk menyelamatkan mereka," katanya.

Dr Mahathir ditanya demikian pada sidang berita selepas mengadakan lawatan peribadi ke beberapa tempat di sekitar Pulau Pinang. Malam semalam, beliau menutup Sukan Malaysia (Sukma) Kelapan.

Kesemua 21 orang itu di culik dari Pulau Sipadan di Sabah, pada 23 April lepas. Mereka terdiri daripada sembilan warga Malaysia dan 12 warga asing iaitu tiga warga Jerman, masing-masing dua warga Finland, Afrika Selatan, Perancis, Filipina dan seorang warga Lubnan.

Laporan berita dari Zamboanga, di selatan Filipina pada Jumaat menyatakan kumpulan penculik yang menahan tebusan itu menuntut wang tebusan AS\$1 juta bagi setiap orang yang ditahan.

Selain itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan juga akan menyiasat sama ada penggunaan pembunuh upahan berlaku di negara ini dan menambah kata yang beliau khuatir dengan perkembangan itu.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menjawab pertanyaan wartawan mengenai pembunuhan Setiausaha Agung Gerakan Aceh Merdeka (GAM) Teuku Don Zulfahri di Pandan Perdana Khamis lepas yang dikatakan mungkin bermotif politik dan melibatkan pembunuh upahan.

"Perkara itu sesuatu yang kita tidak dapat terima dalam politik," katanya.

"Kita tidak mahu orang-orang diupah untuk membunuh musuh-musuh politik, Ini bukan budaya kita," katanya.

Di KUALA LUMPUR, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, polis akan menjalankan siasatan rapi terhadap pembunuhan Teuku Don.

"Kes ini adalah kes serius, pembunuhan telah berlaku di negara kita, takkan kita nak biarkan begitu sahaja," kata Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri.

"Apa juga siasatan yang polis lakukan apabila berlaku peristiwa seperti itu, adalah rapi, bila-bila pun, tak kisah siapa yang menjadi mangsa pembunuhan itu," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada persidangan Meja Bulat Asia-Pasifik ke-14 di Hotel Nikko.

Sementara itu berbalik kepada tuntutan wang tebusan oleh kumpulan yang menculik 21 orang dari Pulau Sipadan, Abdullah berkata apa yang penting sekarang ialah mereka yang ditahan itu dapat dibebaskan secepat mungkin.

Malaysia juga sedang memikirkan sama ada perlu mencari jalan lain untuk menyelesaikan perkara itu dan akan berunding dengan Filipina bagi mencari penyelesaiannya.

-- BERNAMA

AHM AFY PR